



TEKS UCAPAN



YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPDNKK
TAHUN 2014
13 JANUARI 2015 (SELASA)

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk tahun 2014 peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).
2. Peluang untuk bersama-sama keluarga besar kementerian ini amatlah saya hargai. Ia begitu penting dalam usaha kita membentuk sinergi dan pasukan yang mantap, pasukan yang insya-Allah, dapat memastikan agenda, misi dan visi kementerian terlaksana.
3. Saya gembira kerana pada pagi ini kita meraikan 238 warga kementerian yang akan menerima anugerah perkhidmatan cemerlang. Anugerah kerana kecemerlangan mereka dalam melaksanakan tugas yang digalas. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan.
4. Saya berharap dengan anugerah ini, tuan-tuan dan puan-puan akan rasa dihargai, disayangi dan menjadi penyuntik semangat untuk bekerja lebih gigih, lebih fokus dan lebih komited dengan berintegriti. Saya juga berharap ia akan menjadi

pendorong dan motivasi kepada rakan-rakan lain untuk turut mencapai kecemerlangan serupa.

Cabaran KPDNKK ke arah mencapai aspirasi negara.

Hadirin yang saya hormati,

5. Kerajaan telah menggerakkan inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Aspirasi nasional ini memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak, baik kerajaan mahupun swasta, rakyat terbanyak, penjawat awam serta seluruh anggota pentadbiran untuk memastikan ia tercapai.

6. Sebentar tadi Dato' Sri KSU telah menekankan bahawa KPDNKK akan melaksanakan tanggungjawab yang lebih besar bagi memastikan sektor Perdagangan Dalam Negeri ditransformasi dan diperkasakan ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Semua ini tidak akan menjadi kenyataan jika kita tidak memiliki budaya kerja yang cemerlang, mengamalkan *esprit de corps*, kebersamaan dan kesepakatan serta kesegeraan.

7. Sebagai contoh budaya sepakat ini, sama-sama kita tonton video "Lelaki Penyelamat Dunia" berikut:

(Tayangan video)

8. Bagi menjiwai gagasan YAB Perdana Menteri : satu Malaysia : Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan, kita perlu memandu dan menggerakkan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Transformasi dan gagasan ini penting kerana ia akan mengubah lanskap pentadbiran dan kualiti hidup rakyat. Pada masa yang sama, KPDNKK sebagai pemacu kemajuan perdagangan domestik dan tunjang ekonomi negara.

9. Bagi merealisasikan peranan kita, *outcome* daripada setiap individu amat penting kerana mereka berperanan sebagai penghubung atau *front line* KPDNKK dengan pelanggan luar. Sehubungan itu, setiap individu mestilah mempamerkan elemen-elemen seperti yang dinyatakan oleh Dato' Sri KSU tadi mengenai betapa pentingnya keperibadian yang berkualiti dan cemerlang serta menunjukkan komitmen yang penuh terhadap tugas serta tanggungjawab.

10. Saya ingin mengingatkan kepada warga KPDNKK bahawa jika kita ingin memperkasakan tindakan dan merahmatkan organisasi berkebijakan maka tunjang utama ialah menyemai benih rasa sayang dan rasa kekitaan atau *sense of belonging and loving* KPDNKK. Ubah bukan bererti buang dan cadang bukan bererti halang, undur bukan bererti kalah, tegur bukan bererti marah. Jika sayangi KPDNKK, mulai hari ini kita tidak boleh berwatak "langau" menghuni organisasi kita seperti dalam ungkapan....

".....seandainya kita tidak dapat menjadi garam yang dapat menahan daging daripada busuk, Janganlah kita menjadi langau yang datang untuk membusukkan daging. Daging kita adalah KPDNKK...."

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh kementerian ini amat besar dan penting kepada negara. Alhamdulillah pada tahun 2014 saya amat berpuashati dengan kejayaan dan kecemerlangan yang telah kita tunjukkan. Hasilnya pelbagai program telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai sasaran KPI yang ditetapkan :

12. Program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah mencatatkan pencapaian sebanyak 103%, iaitu melibatkan pewujudan 36 bilangan kedai baru di seluruh negara berbanding sasaran asal 35 unit.

Sasaran KR1M ialah untuk memudahkan rakyat mendapatkan barangan keperluan harian pada harga murah dan berkualiti yang seterusnya akan mengurangkan kos sara hidup.

13. Pelaksanaan Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) telah mencatatkan pencapaian 102%, di mana 305 buah kedai runcit telah terlibat berbanding dengan sasaran 300 buah kedai. Tujuan program TUKAR adalah untuk menceriakan kedai-kedai yang lusuh supaya lebih tersusun serta menarik minat pelanggan untuk berbelanja di kedai berkenaan.

14. Program Pemodenan Bengkel Automatif (ATOM) telah berjaya memodenkan 208 bengkel automotif berbanding sasaran 200 bengkel yang ditetapkan, dengan peningkatan sebanyak 104%. Tujuan ATOM adalah bagi menaiktaraf dan memodenkan bengkel automotif supaya dapat bersaing dengan bengkel-bengkel sedia ada yang lebih moden dan besar.

15. Dalam aspek penguatkuasaan, sebanyak 2,604,075 pemeriksaan premis perniagaan melibatkan beberapa ops seluruh negara dan hasil pemeriksaan tersebut telah menyumbang sebanyak RM266,739,608.00. Kejayaan ini merupakan usaha kementerian untuk menyelamatkan wang negara dan memastikan subsidi kerajaan sampai kepada golongan sasar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Selari dengan keputusan kerajaan untuk melaksanakan GST mulai April 2015, kementerian kita telah pun membuat perancangan teliti dan tersusun melalui penambahan dan pengukuhan perjawatan serta latihan dan advokasi bersama agensi luar dan NGO seluruh negara.

17. KPDNKK telah pun diberi tambahan sebanyak 222 perjawatan melibatkan penguatkuasa GST pada September 2014 manakala 250 perjawatan lagi pada Januari

2015. Agensi pusat juga telah pun meluluskan sebanyak 1,300 Pegawai Pemantau Harga (PPH) untuk membantu pelaksanaan GST pada 1 April 2015. Pada 1 Januari 2015, kita telah menerima satu berita baik di mana perbendaharaan telah meluluskan bayaran perkhidmatan berjumlah RM2,400 sebulan kepada PPH yang melaksanakan tugas-tugas pemantauan, perancangan dan pelaksanaan program GST. Sesungguhnya keprihatinan pihak kerajaan menuntut komitmen dan kesungguhan kita memastikan pemantauan GST dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang diharapkan.

Peranan dan tanggungjawab warga KPDNKK ke arah 2015 yang gemilang

18. Berdasarkan amanah dan tanggungjawab yang besar menanti kita pada tahun 2015, saya menyeru agar seluruh warga kementerian bergerak seiring dengan saya. Marilah kita mentransformasikan cara kita bekerja, cara kita berfikir, cara kita berinteraksi dan cara kita bertindak hendaklah seiring dengan keperluan dan keadaan semasa.

Bulat air kerana pembedung

Bulat manusia kerana muafakat

Faham sesuai, benar seukur,

Bulat segolek, pipih selayang

Rundingan jangan selisih

Muafakat jangan bercanggah

Tuah pada sekata

Berani pada seiya

19. Kita mestilah bersedia memberikan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang kian meningkat. Rakyat merupakan komuniti yang berpengetahuan dan celik IT, kritis menganalisis dan memproses permasalahan serta pantas memperolehi dan menyebarkan maklumat melalui perkongsian di media sosial.

20. Oleh itu, kita perlu sentiasa terbuka kepada *feedback* daripada rakyat. Adakanlah *engagement* sama ada melalui program bersemuka di sesi *town hall*, advokasi, ceramah mahupun lawatan kerja. Ini semua adalah antara pelbagai aktiviti turun padang yang boleh dilakukan oleh kita dalam memantau program dan projek-projek yang sedang dijalankan bagi memastikan usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan adalah menyeluruh dan meluas hingga ke akar umbi.

21. Dalam pada itu, segala perancangan, program, aktiviti, dan bajet haruslah dilaksanakan mengikut *timeline* dan jadual yang telah ditentukan. Ini adalah untuk memastikan faedah yang akan diperolehi oleh rakyat tidak sengaja diperlambatkan dan memastikan semua perancangan akan berjalan licin, lancar dan haruslah melibatkan *touch point* rakyat.

22. Usaha-usaha penambahbaikan mesti dilaksanakan dengan berterusan berdasarkan kepada tiga aspek utama iaitu perkhidmatan yang cepat, tepat, berintegriti dan juga kepada pemikiran yang kreatif dan inovatif di samping menekankan kepada produktiviti dan penghasilan mutu kerja.

23. Setiap tindakan dan keputusan yang dibuat hendaklah berlandaskan integriti, kesegeraan atau *sense of urgency*, mengutamakan pelanggan, melakukan kolaborasi dan kerjasama bagi mengoptimumkan perkongsian sumber, kemudahan dan maklumat serta mengamalkan budaya kerja berinovasi dan kreatif bagi melakukan perubahan kerana perkara yang dilaksanakan pada hari ini, mungkin tidak lagi relevan pada masa hadapan. Kita perlu sentiasa berfikir ke hadapan agar berada di hadapan keluk perubahan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

24. Penganjuran Majlis APC ini menepati dengan tagline "dahului dan diikuti". Saya bangga kerana Dato' Sri KSU telah menyahut cabaran saya supaya Majlis APC ini diadakan lebih awal berbanding tahun sebelumnya. Beliau telah membuktikan

KPDNKK menjadi kementerian yang pertama menganjurkan Majlis APC pada tahun 2015. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Dato' Sri KSU dan semua warga KPDNKK yang terlibat dengan majlis ini. Saya pasti tagline "dahului dan diikuti" akan terus berslogan di dada KPDNKK sepanjang masa.

25. Sebagai ahli dalam organisasi, kita haruslah bersedia untuk memimpin dan dipimpin, bersedia memberi dan menerima pandangan, bersedia menasihati dan dinasihati, bersedia membimbing dan dibimbing. Justeru itu, bagi meneruskan sinar KEJORA KPDNKK, maka pada tahun 2015 saya berharap semua pengarah bahagian, negeri dan ketua agensi bersedia berganding bahu menghidangkan program yang boleh memberi impak yang besar kepada rakyat dan pengguna.

26. Program yang saya beri nama *keep excelling just on right action* KPDNKK atau KEJORA hendaklah dibuat secara bulanan dan mengikut negeri yang telah ditetapkan. Dengan adanya program seperti ini, budaya "turun padang" untuk mendengar dan merasai denyut nadi rakyat akan tertunai. Tinggalkanlah budaya memberi arahan daripada bilik pejabat kepada menyinsing seluar, meredah denai, berkubang bendang, meredah lumpur bersama rakyat sepertimana program kebajikan kita di Kelantan semasa banjir tempoh hari.

Hadirin yang dihormati sekalian,

27. Saya berharap budaya kerja cemerlang ini akan terus menjadi watak dalam setiap diri warga KPDNKK. Tidak semua pegawai cemerlang dapat kita berikan pengiktirafan, kerana kuota yang diperuntukkan setiap tahun hanyalah 8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Namun begitu, saya menetapkan kecemerlangan warga KPDNKK bukan setakat pada kelompok 8 peratus ini sahaja, malah saya menagih kecemerlangan 100 peratus daripada tuan-tuan dan puan-puan semua. Kita haruslah terus mencari jalan untuk memenangi hati pelanggan bukannya mencari alasan untuk menghalang keputusan. Biarlah watak "langau" berkubur dan dipusarkan.

28. Tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar bagi kita. Kita haruslah mempersiapkan diri dengan sentiasa meningkatkan kepekaan terhadap isu yang melibatkan KPDNKK serta terus melaksanakan penambahbaikan supaya kita dapat memenuhi ekspektasi dan keperluan kumpulan sasaran kita iaitu usahawan/peniaga serta pengguna-pengguna di Malaysia.

29. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2014. Tidak lupa juga kepada urus setia majlis yang telah bertungkus-lumus memastikan majlis ini dapat dijayakan dalam keadaan yang sempurna.

30. Jika Dato' Sri KSU tadi telah mengakhiri ucapannya dengan sebuah ungkapan bestari, saya juga ingin menitipkan sebuah ungkapan nasihat sebagai pelengkap:

"manusia yang paling kerap mencipta bahaya dan kerosakan ialah seseorang yang mempunyai lidah terlepas dari hati yang tertutup"

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.